

TETENUNAN DALAM PUISI

Arbak Othman

Abstrak

Makalah ini cuba menghuraikan dan membuktikan bahawa sesebuah puisi yang bermakna harus berupa wacana puitik yang utuh. Keutuhan wacana puitik ditinjau dari sudut penerapan teori pembentukan dan analisis linguistik yang dipadankan dengan puisi. Penerapan teori wacana dilihat dari segi pemenuhan kriteria seperti penyambungan, pengguguran atau penghilangan dan penggantian unsur dalam teks dalam tetenunan yang merangkum pengertian atau satuan maksud yang terikat serta mengekalkan keteraturan fikiran yang wujud secara terjalin dalam puisi. Tetenunan merupakan strategi yang membuktikan keteraturan fikiran yang membentuk apa yang dinamakan 'mesej' puisi. Tidak cukup dengan itu, pembinaan mesej juga ditinjau dari sudut kejadian maksud yang menjalin diksi berdasarkan ukuran kolokasi. Nyatalah bahawa puisi A. Aziz Deraman terbentuk sebagai wacana yang utuh berdasarkan aspek kolokasi ini. Keutuhan wacana puitik ditinjau juga dari segi peranan beberapa penanda wacana dalam teks yang bermakna. Kesemuanya itu ditinjau untuk membuktikan pembentukan mesej yang terselindung secara utuh di sebalik diksi dan mengaitkannya dengan menggunakan perkaitan maklumat baharu dan lama yang terjalin dalam puisi, iaitu yang satuan mesejnya dicapai secara berkoherensi melalui interpretasi semiotik terhadap teks, iaitu puisi-puisi A. Aziz Deraman yang termuat dalam antologi puisi *Kau dan Aku*.

Abstract

This article tries to elaborate and prove that a meaningful poem must be in the form of a strong poetic discourse. The strength of a poetic

*discourse is viewed from the application of the theory of linguistic formation and analysis that is adapted to the poem. The application of the discourse theory is viewed from the satisfaction of such criteria as the continuence, exclusion and replacement of elements in the text that cohesively comprise the meaning or unified and tied meaning and maintaining the coherence in the unified form in the poem. A cohesion is a strategy that proves the coherence that forms what is known as the "message" in the poem. In addition, the formation of message is also viewed from the formation of meaning that unites the diction based on the collocational measurement. Evidently the poem by A. Aziz Deraman are composed as a strong discourse based on that measurement. The strength of a poetic discourse is also viewed from the role of several textual connectors in a meaningful text. All of them are looked into in order to prove the formation of strong messages hidden in the diction and relates their formation by using the relationship between new and old informations tied in the poem, that their unified messages are attained coherently through the semiotic interpretation of the text, that are present in *Kau dan Aku*, a collection of poem by A. Aziz Deraman.*

Kajian akan dibuat dengan menempatkan pengertian bahawa puisi tidak lain daripada wacana yang sifatnya puitik dari segi bahasa yang digunakan di permukaan, yakni puisi sebagai yang dibaca oleh pembaca, pengkritik mahupun penafsir. Tetenunan dalam teks (yakni puisi, yang juga berupa teks) merujuk kepada cara-cara unsur-unsur dijalin dalam teks berada dalam suatu binaan kesatuan yang utuh. Dalam binaan ini, "keteraturan fikiran" atau koherensi diperlukan sebagai alat yang menjalin hubungan logik antara ayat sehingga melahirkan susunan fikiran yang rasional dan berkesan. Dalam puisi, hubungan yang berkesan ditujukan kepada kewujudan hakikat tafsiran lakuan dan persepsi manusia atas adanya makna antara unsur-unsur yang melahirkan ungkapan-ungkapan tertentu dalam puisi. Ada atau tidak adanya makna ini ditentukan oleh persepsi pembaca sebagai kesan komunikasi terhadap maksud yang mahu dilahirkan oleh penyairnya.

Ayat-ayat dalam puisi bukanlah sewenang-wenangnya terjalin, tetapi mematuhi peraturan atau ciri-ciri tertentu yang ada dalam sesuatu bahasa. Peraturan dan ciri-ciri itu amat penting dalam proses pengutaraan idea dengan jelas serta membimbing pembaca memahami wacana tersebut dengan tepat dan jelas juga. Wacana yang jelas maksudnya ini dibangunkan oleh ayat-ayat yang menunjukkan kesinambungan, kerana dalam wacana, setiap ayat atau ungkapan tidak terlepas daripada selamanya terikat dan

terhubung kait dengan ayat-ayat atau ungkapan yang berlaku sebelumnya dalam teks. Wacana dapat berupa sejumlah ayat, sebuah puisi, lisan ataupun tulisan, dan boleh juga satu stanza yang terdiri daripada beberapa bahagian yang mendukung satu idea yang lengkap. Inilah 'analisis wacana' menurut Zellig S. Harris dalam *Language* 28 (1-30;474-94). Analisis wacana merupakan pemenggalan sesuatu wacana kepada unsur-unsur dasar atau bahagian-bahagian komponennya melalui metode penyebaran standard. Analisis ini juga dianggap linguistik teks yang merujuk usaha mengkaji organisasi bahasa yang melampaui aras ayat atau aras klausa. Analisis teks juga mengkaji unit-unit linguistik yang lebih besar seperti penukaran lakuan bahasa daripada ungkapan kepada makna, jika yang dianalisis itu suatu teks puitik. Analisis teks meneliti penggunaan bahasa dalam konteks sosial. Dalam puisi, konteks sosialnya bukan dalam bentuk lakuan bahasa (oleh sebab tidak ada peserta komunikasi dalam proses menghasilkan puisi) tetapi dalam bentuk makna yang dapat ditukarkan dalam bentuk nilai-nilai sosial dalam budaya. Interaksi yang dilihat berupa tujuan penyairnya mengungkapkan makna-makna peristiwa dalam kehidupan bermasyarakat di bawah payung budaya yang sama. Tanggapan yang digunakan dalam kajian ini sama sahaja dengan konsep yang dinyatakan oleh Tarigan (1995:32-33) yang mengatakan bahawa analisis wacana merupakan telaah tentang aneka fungsi (pragmatik) bahasa dalam kesinambungan atau untaian wacana, yang dalam puisi berbentuk hamparan yang sifatnya suatu tafsiran terhadap wacana permukaan. Hamparan ini dengan sendirinya berupa unit-unit tafsiran yang tersatukan setelah ungkapan wacananya di permukaan diterjemah melalui andaian-andaian yang menghubungkan makna dengan nilai-nilai sosiobudaya dalam suatu ikatan yang menunjukkan hubungan semantik dan pragmatik di peringkat dalaman.

Puisi sebagai linguistik teks mempunyai pelbagai ciri atau ukuran, bergantung pada aspek-aspek penekanan yang diwujudkan di dalamnya. Sebagai linguistik teks, puisi dapat mempunyai ukuran ketekstualan. Ada tujuh piawai ketekstualan, yang apabila mana-mana daripadanya tidak dianggap dapat dipenuhi, teks itu dengan sendirinya tidak berunsur komunikasi. Oleh sebab itu, semua teks yang tidak berunsur komunikasi itu bertaraf bukan-teks (Beaugrande dan Dressler (1986:1-12). Ketujuh-tujuh piawai ketekstualan ialah tetenunan, keteraturan, kesengajaan, penerimaan, kebermakluman, kesituasian, dan ketertekstualan. Setiap teks, seperti juga puisi, mestilah mengandungi dua ciri utama iaitu tetenunan dan keteraturan fikiran.

PUI SI SEBAGAI WACANA

Puisi, sebagai wacana sifatnya merupakan unit bahasa yang melebihi batas ayat atau ungkapan (atau ujaran dalam komunikasi) yang mungkin terdiri daripada ayat, sejumlah ayat atau ungkapan atau paragraf, atau stanza dalam teks puitik. Di dalamnya terdapat hubungan-hubungan dan perkembangan fikiran yang berukuran (Asmah, 1980a:11) yang menunjukkan kesinambungan (Carison dalam Tarigan, 1995:32).

Dalam bentuk wacana, puisi juga dapat dikatakan satuan bahasa terlengkap, dengan erti kata mengandungi makna dan maksud yang berbentuk mesej penyairnya. Wacana puitik direalisasikan dalam bentuk ungkapan atau gabungan beberapa ungkapan yang utuh, paragraf, ayat atau kata yang membawa amanat interpretatif yang lengkap (Harimurti Kridalaksana, 1984:204). Pendek kata, puisi dalam bentuk wacana interpretatif dapat berupa unit-unit linguistik yang lebih besar daripada ayat, oleh sifatnya suatu teks bertulis atau lisan, pada aras permukaan, yakni sebelum ditafsir melalui penterjemahan sebagai proses atau alat bagi mendapatkan maksud atau mesej penyairnya. Semestinya mesej puisi pada aras dalaman itu diproses melalui penterjemahan unit-unit linguistik pada permukaannya dengan beberapa lapisan penafsiran terhadap maklumat-maklumat yang tertentu bagi mendukung niat dan tujuan penyairnya agar tercapai mesej puisi ciptaannya yang sebenar atau seakan-akan benar.

TETENUNAN PUI SI A. AZIZ DERAMAN

Tetenunan dikenal juga dengan istilah “tautan, pautan dan kohesi”. Dalam wacana linguistik, tetenunan ialah unsur-unsur yang didapati pada bentuk lahir wacana yang dikaitkan secara nahuan atau leksikal antara ayat (Sato, 1997:15). Dalam puisi, tetenunan tidak dilihat secara nahuan atau leksikal tetapi secara penafsiran terhadap ungkapan atau kata yang berfungsi sebagai metafora. Makna metafora yang didapati pada bentuk-bentuk dalaman, atau mesej akan dilihat perkaitannya berdasarkan tetenunan konotasi yang mendukung keseluruhan maksud yang dikatakan mesej itu. Perkaitan ini menunjukkan bahawa ungkapan yang membentuk puisi bukan berdiri sendiri dari segi struktur, tetapi bergantung antara satu konotasi dengan konotasi yang lain, seolah-olah membentuk satu satuan struktur konotasi.

Tetenunan sebenarnya merujuk penjalinan unsur-unsur konotasi dalam mesej teks puisi yang keutuhannya bergantung pada konotasi rujukan, konotasi pengguguran, penggantian, penghubungan dan pautan makna kata. Pendek kata, tetenunan merujuk perkaitan interpretatif metafora yang

sifatnya berupa unsur kebahasaan pada permukaan teks. Puisi yang mempunyai aliran pikiran yang teratur memudahkan penafsiran tentangnya oleh pembaca atau penafsir. Keteraturan aliran pikiran serta struktur jalinannya yang ada pada teks (di sini teks puisi) dimungkinkan oleh adanya tetenunan (Asmah, 1987:109). Oleh sebab itu, tetenunan tidak lain merupakan organisasi maksud ungkapan yang tersusun secara padu dan padat bagi menghasilkan mesej. Suatu teks konotatif akan ditafsir supaya ciri-ciri linguistik di permukaannya dapat digunakan untuk membantu menghubungkan satu urutan makna ayat atau ungkapan sehingga terlihat kelahiran mesej puisi yang padu, yakni yang dijalin oleh tetenunan makna-makna ungkapannya yang membentuk puisi-puisi yang dikaji itu.

Dalam konteks puisi sebagai binaan unsur-unsur makna, konsep tetenunan Werth, P. (1984:60–61) paling wajar dijadikan asas dalam penafsiran mesej sesebuah puisi. Pada pendapatnya, tetenunan dapat dianggap suatu proses sintaksis yang menghubungkan ayat dalam teks, dan tentunya dalam puisi, yang menghubungkan makna ungkapan atau stanza. Di aras permukaan, kesan-kesan tetenunan dapat ditunjukkan melalui bentuk-bentuk linguistik pada ayat-ayat yang diungkapkan, yang membabitkan unsur kata ganti, kata nama tentu, pengguguran dan penegasan. Kalau puisi dianggap pula sebagai teks kasus, tetenunan akan ditunjukkan untuk mengaitkan bentuk-bentuk linguistik permukaan dengan proposisi, iaitu maklumat yang ingin disampaikan dalam bentuk ayat-ayat dan ungkapan.

Dalam konteks teks yang berbentuk ciptaan seni karya, seperti puisi, tetenunan sering dijalin oleh *perujukan*, *penggantian* dan *pengguguran* (elipsis). *Penghubungan* pula berupa perujukan konsep yang sifatnya semantik dan pragmatik sebagaimana yang dinyatakan oleh Halliday dan Hassan (1976:286):

“Tetenunan merupakan konsep semantik yang merujuk hubungan makna antara satu unsur dengan unsur yang lain dalam teks.”

Oleh sebab teks yang diselidiki ialah puisi yang bersifat puitik, maka konsep semantiknya lazimnya merujuk hubungan makna antara metafora dengan metafora yang lain, sama ada merupakan ungkapan berbentuk ayat atau leksis.

PERUJUKAN

Perujukan merupakan unsur yang mempunyai hubungan semantik dengan unsur yang merujuk ke atasnya yang pula mempunyai hubungan makna

dalam sesebuah puisi. Dalam puisi A. Aziz Deraman (AAD) yang berjudul *Wajahmu* (hlm. 1) yang berikut ini:

*Tadi malam telahku bermimpi indah
puteri gundah datang menyapa mesra
mahu bicara di kala senja
kutenung matanya dan mutiara
kupertik dan ia kian manja
kungerti penuh merasa.*

*Senja
cenderung berlagu beribu bahasa
warna-warna ufuk melukis maya
dan ia semakin mesra
mendengarkan sebuah lagu
untukku penuh harapan dipertaruh
permenungan yang seluruh.*

*Senja
dan ia semakin mesra
menyanyikan demi lagu-lagu
pertama sayang padaku.*

*Untukku penuh harapan dipertaruh
pemenungan yang seluruh.*

*Pagi
aku rindu wajahmu.*

AAD menggunakan kata ganti diri [ku] sebagai ganti seluruh dirinya yang mempunyai maksud yang sama dengan [aku] yang digunakan dalam stanza akhir puisi, sekalipun berkali-kali diulangi dalam peristiwa-peristiwa yang dia terlibat secara emosi. Kata-kata emosi dibangunkan oleh leksis atau sekumpulan leksis

[bermimpi indah, menyapa mesra, kian manja, penuh merasa]

dalam stanza pertama puisinya itu. Kata ganti diri [ia] pula digunakan untuk merujuk entiti yang telah disebut sebelumnya iaitu *puteri gundah* dalam stanza pertama dan *senja* dalam stanza kedua dan ketiga, manakala ganti nama diri [mu] digunakan untuk merujuk *pagi* dalam stanza akhirnya. Ganti

nama [ia] dalam nahu Melayu (menurut *Tatabahasa Dewan*) digunakan untuk merujuk orang ketiga tunggal, tetapi dalam puisi ADD [ia] digunakan untuk merujuk konsep “waktu” yang diwakili oleh leksis *senja*, manakala [mu] juga digunakan untuk merujuk konsep “waktu” yang diwakili oleh leksis *pagi*. Walaupun dalam nahu Melayu, [mu] merupakan unsur klisis akhiran yang merujuk konsep “orang ketiga tunggal”, dalam puisi kata ganti [ia] dapat diizinkan untuk merujuk bukan-manusia [-manusia] tetapi dianggap manusia [+ manusia] oleh sistem konotasi, kerana dalam peristiwa yang diungkapkan, memang wujud komunikasi antara penyair dengan waktu yang dimaksudkan itu. Lakuan bahasa seperti itu sebenarnya memungkinkan manusia menyampaikan maklumat tentang hatinya terhadap sesuatu benda atau waktu yang perlu diberitahu bahawa manusia juga meletakkan harapan dan penghargaan kepadanya, walaupun dalam dunia nyata, konsep tempat dan waktu sering diabaikan dan kehadirannya dianggap tidak penting dalam kehidupan mereka.

Perujukan juga diperlihatkan antara peribadi penyair dalam konteks “senja” yang baginya merupakan harapan tempat dia mempertaruhkan seluruh pengalamannya yang lampau dalam bentuk yang “semakin mesra” yang mendendangkan kebahagiaan yang disaluti kasih sayang yang digerakkan oleh “orang yang ditujukannya”, iaitu “puteri gundah”, iaitu sumber dia memperoleh pengertian atau pemahaman, yang daripadanya dia mengalami kehidupan yang lembut berdasarkan konotasi tanda-tanda yang digunakan dalam stanza pertama:

*kutenung matanya dan mutiara
kupetik dan ia kian manja
kungerti penuh merasa.*

Dari segi perujukan semantik, maksud perbuatan [*kutenung*], [*kupetik*] dan [*kungerti*] menunjukkan jalinan tindakan dalam bentuk suatu proses yang berherarki dan berkolokasi dalam ikatan sebab-akibat daripada perilaku manusia, apabila manusia yang dilahirkan dan alam tempat manusia memproses kehidupan menyediakan sumbangan yang sangat besar pada kematangan, kebahagiaan dan perasaan kasih sayang si penyair dalam kehidupannya yang melampaui alam “senja” dan berakhir dengan alam “pagi” sebagai titik bermula dan bersemadinya kebahagiaan yang sentiasa diperlukan setelah selamanya bergelumbang dalam pengalaman dan penghidupan yang dibekalkan oleh warna “senja” itu. Tidaklah diketahui maksud penyair yang sebenar tentang *signifie* tanda “senja” dan “pagi”

yang digunakannya dalam puisi *Wajahmu*. Akan tetapi, dari segi perujukan, makna pengalaman menunjukkan tetenunan yang mempertalikan jalinan perasaan kasih sayang dengan harapan yang disediakan oleh maksud “senja” serta kemungkinan masa depan yang dianjurkan oleh maksud “pagi” yang digunakan dalam puisi tersebut.

AAD memang peka terhadap kebesaran Tuhan, yakni Allah. Semasa beliau berada dalam Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Brunei, perasaan ‘satu’ antara dirinya dengan Allah dilambangi dengan tanda [kehilangan] sebagai tempat penjelajahan diri, bibir, akal dan kalbunya sebagai “alam” dan “ilmu” Allah yang sangat dikagumi. Lalu di masjid itu, dirinya dianggap tamu yang paling hampir dengan Allah dan ketetapan-Nya, iaitu satu-satunya tempat dia akan kembali dan abadi: dan satuan ini terungkap dalam puisinya yang berjudul *Pengembalian* (hlm. 2).

Dalam puisi tersebut, perujukan semantik tertenu dengan sangat utuh, apabila tanda [aqal] dan [qalbu] dianggap *satu*, iaitu suatu

*[kekuatan yang amat utuh padu
dan tidak 'berdegis lalu']*

Frasa “utuh padu” dan “tidak berdegis lalu” membuktikan satuan yang jitu dan kental, yakni tidak berbelah bahagi lagi. Perujukan dengan menggunakan kata ganti nama tidak diwujudkan oleh sebab penyair tidak ditunjukkan berada dalam situasi berkomunikasi dengan Allah, kecuali anafora *Mu* yang hadir sebagai perujuk entiti “Tuhan”, yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat ‘semasa dan selamanya’ dalam konteks ketuhanan:

*Masjid ini rumah-Mu
dan aku menjadi tamu, mahu dekat pada-Mu
- dengan kehendak-Mu!*

Akan tetapi dalam puisinya *Jiwarasa* (hlm. 6), AAD menggunakan anafora *Nya* bagi merujuk Tuhan. Oleh yang demikian, anafora *Nya* hadir sebagai perujuk entiti “Tuhan” seperti dalam:

*yang punya alam dan makhluk-Nya
yang punya alam dan ilmu-Nya.*

Dalam puisi *Kau dan Aku* (hlm. 10), kata ganti nama [Kau] juga berfungsi anafora yang merujuk ‘Tuhan’, manakala ganti nama [aku] dan klitik [ku] merujuk ‘diri si penyair’.

AAD jarang-jarang menggunakan anafora *-nya* untuk merujuk manusia, kecuali dalam satu dua buah puisi sahaja. Dalam puisinya *Daerah Baru* (hlm. 17), terdapat ungkapan yang berbunyi:

*Sebentar sebentar aku merasakan
mungkin di sini akulah peneroka
membaru daerah baru
menukar wajah dan manusianya
dalam satu perasaan.*

dengan anafora *nya* hadir sebagai perujuk yang menggantikan kata nama [daerah] dan [wajah + manusia], manakala *nya* yang digunakan pada adjektif [gersang] dan [abadi], dan kata kerja [mengawal] merujuk maksud sifat semantik dan perbuatan yang diberi penekanan emotif yang memperkukuh nilai keberkesanan secara konotatif dengan unsur-unsur tanda dalam satuan yang tetenun padat dari segi perkaitan makna dalam konteks mesej yang dibangunkan oleh urutan tanda dalam pengungkapan stanza demi stanza, iaitu di mana situasinya saling berhubungan dan berujukan. Dalam puisi, walaupun tidak sesering dalam nahu, anafora *nya* kerap digunakan pada kata adjektif dan kata kerja, oleh sebab penekanan selalunya diberikan pada keutamaan dalam tetenunan mesej. Jika keutamaan itu mendukung maksud “nilai” atau “pertimbangan emosi”, maka digunakan kata adjektif dalam kaitan dengan situasi tertentu dalam jalinan mesej yang dibangunkan dalam stanza yang berlainan dalam sesebuah puisi. Demikian pula jika penekanan yang diutamakan itu berupa persepsi perbuatan atau tindakan sebagai sumber kesan atau akibat daripada beberapa fikiran daripada mesej yang dibangunkan itu, maka kata kerja yang menunjukkan konotasi kolokatif yang berkoherensi digunakan pada tempatnya yang sesuai dan wajar dalam stanza. Kita lihat bagaimana AAD mengatur fikiran tentang nilai emotif dalam stanza I dan konsep perbuatan dalam stanza II yang ditekankan dalam pembangunan idea yang cuba disatukan dalam paduan yang agak menarik juga:

Stanza 1

Sebentar sebentar aku merasakan
mungkin di sini aku mati
bersekali manusia dan daerah *gersangnya*
atau di sini aku dimatikan
kempunan suatu harapan.

Stanza 2

...masih menjaga

benih-benih kusemai dan kita sesama jaga
menyuburi daerahnya sendiri
masih kukuh
kota yang dibina dan kita sesama mengawalnya
menahani peribadi sendiri.

Dalam stanza 1, konotasi *gersangnya* barangkali mengandungi fikiran “yang belum diberi unsur pembangunan”. Cita-cita mengisi pembangunan inilah barangkali yang menjadi cita-cita penyairnya supaya matinya biarlah di tanah airnya, iaitu tempat dia hidup dan mati bersama-sama ahli masyarakatnya yang sebangsa dengannya. Akan tetapi, kematiannya, kalau boleh, janganlah sampai tidak sempat memperjuangkan cita-cita membangunkan bangsanya dengan sifat dan peribadinya yang tersendiri, dengan satu bentuk perjuangan bersama melalui usaha bersama yang gigih dan padu.

Dalam Stanza 2 pula, anafora *nya* hadir sebagai perujuk “kota” yang mungkin merujuk konotasi “negara” supaya perbuatan “mengawal” itu dilakukan bersama-sama oleh ‘semua orang’ yang perlu dalam keadaan “menahani peribadi sendiri” yang mungkin merujuk ‘sikap supaya perbezaan peribadi diketepikan’ atau ‘mengekalkan peribadi negara yang sudah sedia ada dan terus dibina itu’. Unsur perujukan dalam konteks ini mungkin berfungsi sebagai suatu ‘permintaan’ supaya perjuangan membentuk negara baru meletakkan negara sebagai suatu daerah baru atas sifat dan makna pembangunan yang juga ‘baru’ itu.

PENGGANTIAN

Dalam wacana, penggantian bermaksud unsur yang telah disebut digantikan dengan bentuk baru secara semantik atau nahuan. Oleh sebab puisi bukan lakuan bahasa dalam situasi perhubungan bersemuka, maka unsur gantian ini perlulah dalam sifatnya konotatif yang merujuk penekanan yang berulang di samping mengacukan keserupaan dengan konotasi yang digantikan. Dalam puisi AAD yang berjudul *Dalam Dua Kalimah* (hlm. 18), terdapat penekanan yang bermakna pada fikiran tertentu yang diulang kepentingannya, di samping menempelkan nilai keserupaan yang menambah unsur yang digantikan melalui penggantian unsur kedua daripada asas yang sama. Yang berikut ialah stanza III daripada puisi yang sama itu:

Keimanan
adalah kesatuan tradisi
di alam rohani,
pada wahyu

pada aqal dan qalbu,
 dari hati yang sejahtera
 dari jiwa rasa
 punya dan mengatasi segala,
 punya pancaran kebenaran
 punya paksi kekuatan
 punya paksi peradaban.

Tanda [punya] yang diberi penekanan konotatif yang bermaksud ‘zat’, dengan [pancaran kebenaran], [paksi kekuatan] dan [paksi peradaban] merujuk pembangunan nilai-nilai ‘keimanan’ yang diungkapkan paling awal pada stanza III. Penggantian ketiga-tiga frasa nama itu jelas memperlihatkan keserupaan dengan konotasi [punya segala] daripada ungkapan yang terdahulu: *punya dan mengatasi segala* yang dapat dipecahkan bentuk asalnya daripada: *punya segala dan mengatasi segala*. Dalam puisi, penggantian seperti ini dilakukan untuk menunjukkan kesempurnaan konotasi isi dan sifat keimanan yang ditekankan pada awal-awal lagi dalam stanza III itu. Penekanan ini sebenarnya mempunyai sebab, bahawa dalam wacana, unsur gantian dapat secara menarik mempertalikan, serta mengikat, pengertian keimanan itu di hati dan jiwa penyairnya melalui penggunaan “aku” dan “ku” yang sering berulang-ulang untuk perhatian dan penumpuan maksud melalui penggantian.

Dalam rangkap berikutnya, ungkapan [Aku] dan [alam manusia] dipertalikan keteraturan fikiran yang sama dengan [punya tema-tema yang serupa] pada aras yang tinggi, iaitu [dalam aqidah], [dalam ibadat], [dalam susila] dan [dalam hukum]. Bagi sesiapa yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang maksud konsep “keimanan”, keempat-empat aras, iaitu aqidah, ibadat, susila dan hukum, merupakan unsur pelaksanaan yang, jika dilakukan dengan tepat dan teratur, dapat mengukur tahap keimanan yang dimiliki oleh seseorang dalam tuntutan Islam. Oleh sebab itu, penggantian yang dilakukan oleh penyair dalam wacana puitiknya itu sebenar-benarnya bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan yang berbentuk konsep dan isi yang perlu disenaraikan sebagai asas bahawa semuanya itu tidak lain adalah [satu-satunya milik perjalanan], [menuju (tuntutan) Ilahi].

Yang hendak saya sampaikan pada bahagian ini ialah bahawa AAD sebenarnya berjaya melahirkan puisi-puisi yang dapat memelihara konsep puisi sebagai suatu wacana, makna yang dibangunkan dalam puisi-puisinya itu dengan sendirinya menunjukkan keteraturan fikiran yang tertunen melalui penggunaan tanda-tanda yang saling berkaitan antara satu ungkapan

dengan ungkapan yang lain dalam stanza dan antara satu stanza dengan stanza yang lain dalam puisi melalui jalinan fikiran yang dibangunkan dalam bentuk kesatuan yang penuh makna. Dalam puisinya *Jampi Bangsaku* (hlm. 20) pun, unsur penggantian sangat ketara dilakukan untuk maksud menyampaikan perincian tentang beberapa hakikat tertentu yang melanda bangsa Melayu. Frasa-frasa nama [punya kekuatan punya peradaban], [punya kebenaran punya keagungan] dan [punya ketuhanan punya kebudayaan] jelas merupakan unsur penggantian bagi frasa-frasa yang diungkapkan sebelumnya iaitu *punya hak dan pertuanan* yang mempertalikan maksud ungkapan sebelumnya:

*Hei bangsaku aku tahukan asalmu
ribuan tahun punya hak dan pertuanan di sini*

Dalam stanza keempat, misalnya, AAD mengungkapkan demikian:

*Hei bangsaku aku tahu asalmu
jatuh di segala ceruk rantau alam ini
jatuh di utara jatuh di selatan
jatuh di timur jatuh di barat
janganlah pula duduk tunggu jaga mengilas siku.*

Bahagian yang bergaris itu merupakan unsur penggantian yang memperlihatkan keserupaan dari segi nahuan dan semantik bagi konotasi “orang Melayu yang sememangnya tidak pernah bermula dengan kehidupan yang beruntung”, yakni bangsa yang sentiasa terjajah, dan untuk mengatasinya, maka orang Melayu “jangan pula berpeluk tubuh lagi”. Cadangan ini dibuat melalui ungkapan [janganlah pula duduk tunggu jaga mengilas siku]. Penggantian yang menyenaraikan keserupaan dari segi nahuan (*jatuh di ...*) yang diikuti oleh pernyataan arah dan tempat yang menunjukkan “sifat nasib orang Melayu” tidak dilepaskan begitu sahaja, bahawa pernyataan “nasib” yang tertenu dengan langkah atau cara mengatasinya selepas daripada itu merupakan jalan penyelesaian yang biasanya menjadikan maksud daripada mesej yang hendak disampaikan itu terikat dalam jalinan yang utuh serta dalam kesatuan yang terkunci secara didaktik. Jalinan seperti ini menjadikan puisi AAD terbentuk dalam teks linguistik yang bermakna yang masing-masing konotasinya tersusun dalam satuan tetenunan pragmatik yang utuh.

ELIPSIS

Elipsis bermaksud penghilangan unsur dalam salah satu bahagian wacana puitik, dan penghilangan ini digantikan oleh konotasi lain untuk menggambarkan kepadatan dan kecekapan dalam penggunaan sesuatu ayat, atau ungkapan. Elipsis melibatkan proses pengguguran dalam konteks nahuan menurut teori nahu transformasi-generatif (Wong, 1993: 310). Dalam wacana, sesuatu kata, frasa atau ungkapan digugurkan pada ayat berikutnya jika maklumat yang sama telah dinyatakan dengan jelasnya pada ayat atau ungkapan sebelumnya. Pendek kata, elipsis atau pengguguran berlaku untuk maklumat lama dan unsur yang mengalami pengguguran itu dapat dikesan daripada konteksnya. Tujuan pengguguran dalam wacana puitik ialah untuk mempertegas atau memperteguh pertalian maklumat yang sama dalam satu gandingan beberapa fikiran yang dinyatakan dalam ikatan yang kompleks. Dengan cara ini, dapatlah makna yang dibangunkan oleh unsur-unsur pengguguran itu memperteguh ikatan kebahasaan yang mengungkapkan ikatan imej konotatif yang matang dan tegap. Contoh yang berikut menunjukkan penggunaan yang berlaku pada peringkat kata dan frasa. Tanda [] menandakan pengulangan kata atau frasa sebelum berlakunya pengguguran:

*Biar beta langkahi hari-hari begini,
[biar beta] merempuh ranjau datang kepada-Mu jua,
biar [beta] merasa jauhnya perjalanan ini
makin [beta] mencari hujungnya yang menyinari.*

(Stanza pertama yang dilengkapkan wacananya, daripada puisi AAD yang berjudul *Perjalanan Beta*, dalam antologi *Kau dan Aku*, 1994: 23)

Demi memelihara penekanan maksud supaya menjadi kental konotasinya, AAD menggunakan elipsis, sehingga maklumat lama yang sama itu tidak perlu diulangi atas sifat dan struktur seni karya puitis supaya mantap jadinya mesej konotatifnya itu, menjadikan stanza pertama puisinya itu mengambil bentuk yang indah sebagaimana yang berikut:

*Biar beta langkahi hari-hari begini
merempuh ranjau datang kepada-Mu jua
biar merasa jauhnya perjalanan ini
makin mencari hujungnya yang menyinari.*

Dengan mengembalikan bentuk-bentuk yang telah mengalami pengguguran itu, mudahlah sesebuah puisi dikesan maksudnya, kerana pembaca sentiasa

dibantu oleh makna bahasa prosa sebelum dipuisikan. Ini bermakna, elipsis merupakan alat tetenunan penting sama ada dalam dialog, perbualan atau puisi. Cuma yang berbeza ialah bahawa dalam sebuah dialog atau perbualan, bahasa yang digunakan adalah bahasa komunikatif, sedangkan bahasa dalam puisi merupakan bahasa pengungkapan wacana konotatif yang perlu tandatandanya ditafsir terlebih dahulu sebelum maksudnya dapat diketahui atau difahami.

Walaupun kata atau bahagian ungkapan telah mengalami pengguguran, namun pembaca atau penafsir masih dapat memahami topik daripada mesej puisi yang dibaca. Sato (1997:57) menjelaskan bahawa elipsis berlaku melalui dua cara, iaitu menghilangkan suatu unsur tertentu dalam ayat atau ungkapan. Walaupun, dalam contoh yang berikut, yang dipetik daripada puisi yang berjudul Kehilangan (hlm. 25), pengguguran berlaku pada unsur tertentu, namun aspek tetenunan dan keteraturan fikiran dalam puisi tersebut tetap terpelihara:

Tempat, *desaku*
 Pelaku, *Pak Uda*
 Alatnya, *geduk tua*
 [] tidak lagi bertemu
 di tapak kepulanganku.
 Aku kehilangan mencari
 di mana suara merdumu
 [yang] semacam dulu setiap fardu
 [yang] indah
 bunyinya
 [dan] memanggil daku
 mengajak rindu
 menghadap Tuhanku
 [pada] setiap salatku

Unsur [yang] dan [dan] yang dihilangkan merupakan unsur yang wujud pada bahasa perbualan atau teks deskriptif. Dalam puisi, unsur ini boleh dihilangkan dengan mengekalkan tetenunan dan keteraturan fikirannya supaya sentiasa terpelihara. Pengguguran unsur seperti ini dibenarkan dalam teks puitik berdasarkan strukturnya yang tersendiri dalam wacana puitik. Pengguguran ini merupakan pengguguran jenis kedua. Dalam hal ini unsur yang ditiadakan dalam puisi sebenarnya ada pada aras permukaan bahasa komunikatif, jika bentuk puisi dipindahkan dalam bentuk prosa untuk tujuan

pemahaman maksud pada tahap interpretasi pertama tentang maksud atau mesej puisi yang dikaji.

Dalam stanza yang berikutnya, AAD mengungkapkan turutan fikirannya demikian:

*Desa kehilangan semua
sekitar sunyi
hati sepi
tidak bertempat lagi*

Stanza ini telah banyak mengalami pengguguran unsur untuk maksud kekentalan idea yang dibangunkan oleh stanza secara berkesan. Kalau diperinci unsur-unsur yang lebih lengkap pada bahasa yang lebih awal sebelum ditukarkan dalam bentuk puisi, kata [keadaan di ... menjadi], [di mana ... pun menjadi] dan [kerana sudah] barangkali, yakni sebelum digugurkan, boleh disisipkan menjadi:

*Desa kehilangan semua
[keadaan di] sekitar [menjadi] sunyi
[di mana] hati [pun menjadi] sepi
[kerana sudah] tidak bertempat lagi*

Elipsis merupakan teknik penciptaan seni karya yang berbentuk puisi moden. Pengkelan unsur-unsur yang dihilangkan boleh memberikan sifat prosa atau karangan deskriptif untuk puisi, sedangkan puisi adalah bentuk bukan-prosa. Oleh sebab itu, sifat-sifat keprosaan harus dijauhi daripada memberikan sifat kepada bentuk puisi. Puisi yang bermakna dan tinggi nilai seni karyanya haruslah berbentuk sepadat mungkin, dengan mengekalkan tetenunan dan keteraturan fikiran di dalamnya. Oleh sebab orang tidak berpuisi untuk berkomunikasi, atau berdialog, puisi semestinya mengambil bentuknya yang tidak dicirikan oleh bahasa komunikatif atau bahasa perbualan. Atas sifatnya yang demikian itulah, maka puisi memerlukan kecekapan dan kepandaian menafsir tanda-tanda (iaitu kata dan frasa yang digunakan dalam puisi) untuk mendapatkan maksud atau mesej penyairnya.

PENGHUBUNGAN

Bagi mewujudkan tetenunan dalam sesebuah puisi, penghubungan digunakan bagi memadatkan konsep dan pengertian yang menggabungkan beberapa fikiran supaya kesatuannya tercapai dalam kebulatan yang

diperlukan oleh seseorang penyair. Ada juga penghubungan yang dilakukan melalui pengguguran, tetapi dibantu oleh teknik pembarisan (penyusunan mengikut baris) atau perbaitan. Di samping itu, beberapa unsur penghubungan tetap diperlukan apabila fikiran yang disatukan itu adalah daripada kategori dalam urutan konsepsi yang searas dan selingkungan. Dalam hal ini, AAD berjaya mencipta puisi-puisi yang unsur penghubungannya disertakan, yakni apabila sifat pengungkapannya dirasakan sangat perlu, selain fungsinya yang tepat, yakni bukan dengan erti kata mahu memanjang-panjangkan bentuk-bentuk ungkapan dalam stanza. Walaupun AAD tidak gemar menggunakan unsur penggabungan daripada jenis yang berfungsi untuk penambahan maklumat dalam kebanyakan puisi ciptaannya, namun kata *yang* sering digunakan untuk maksud menambahkan maklumat yang dikaitkan dengan maklumat sebelumnya (maklumat lama), selain *bahawa*, *bahawa* digunakan sekali-sekala untuk maksud penjelasan lanjutan, iaitu apabila beliau merasakan *bahawa* unsur penggabungan itu sangat perlu dan penting, seperti dalam contoh yang berikut:

La Illaha Illallah
 menjadikan aku padamu jua
 aku ketahui dan aku iktiqadkan
bahawa adalah engkau
*yang*¹ maha kaya
*yang*² berkehendakkan oleh yang lain
*yang*³ bersifat dengan segala kesempurnaan
*yang*⁴ tiada apa menyamai zat dan sifat ...

(Daripada puisi yang berjudul *Dua Kalimah* (hlm. 26).

Kata atau penanda *bahawa* digunakan untuk menambah penjelasan pada konotasi konsep tunjang [ketahui] dan [iktiqadkan] sebelumnya, dan keseluruhan konsep tersebut kemudiannya diperinci dalam senarai beberapa konsep bantu yang membangunkan konsep tunjang dengan cara menggunakan kata atau penanda [*yang*¹ .. + *yang*² + + *yang*⁴]

Dalam wacana, unsur penghubungan digunakan untuk menimbulkan hubungan semantik, hubungan logis dan keteraturan fikiran (kohesi) teks. Penanda [*yang*] yang digunakan di atas tadi itu berfungsi menimbulkan penghubungan logis *secara relatif*. Penghubungan logis juga dapat berfungsi sebagai penghubungan afektif atau penghubungan kesan tindakan atau perasaan di dalam hati berserta persetujuan akal. Dalam stanza IV puisi yang sama, AAD menggunakan penanda penghubungan wacana yang sama

bahawa dan *yang*, tetapi diikuti oleh penggunaan penanda *maka* bagi menimbulkan kesan keseluruhan yang bersifat “penerimaan dan penyerahan pada takdir yang difahami oleh penyair”. Dalam stanza ini, ilmu (yang bermakna ‘pemahaman’) dan iktiqad (yang bermaksud ‘penyerahan diri’) pada Muhammad Rasulullah menjadi konsep tunjang kedua yang berfungsi sebagai bahagian sangkutan penting daripada kesatuan konsep tunjang pertama yang paling pusat iaitu Allah, sebagaimana yang ternukil dalam stanza I-III yang terdahulu. Lihatlah cara AAD menggunakan penanda penghubungan logis dengan mengekalkan tetenunan dan keteraturan fikiran dalam ikatan yang membentuk wacana puitik yang baik dari segi struktur argumennya:

Muhammad Rasulullah
 menjadikan aku naik saksi
 aku ketahui dan aku iktiqadkan
 Muhammad penghuluku dan pesuruh-Mu
 [bahawa] adalah ia
 [yang] benar pada perkhabarannya
 [yang] diikuti oleh yang lain
 [yang] kautaufikkan bagi kesempurnaan
 [yang] tiada kumungkiri jalan syariatnya,
 [maka] kiranya tiap-tiap diri mesti merasai mati
 (biarlah hidup matiku dalam agamamu)
 tertakluk segala di perhimpunanmu
 seluruh zuriatmu.

Kalau dilihat cara AAD menyusun fikiran yang menunjukkan pengetahuan yang benar tentang konsep penyerahan diri (atau ketakwaan) kepada Allah, tetenunan yang disangkutkan dengan fikiran-fikiran tersebut cukup terkawal dan sekali gus membuktikan keteraturan fikiran yang sangat jelas, jitu dan bermakna dalam suatu wacana kreatif yang tinggi nilai semantik dan pragmatiknya. Cara-cara pengungkapan dibuat amat dikagumi, sampai tidak ada daripada yang ditimbulkannya itu terjejas atau tersangkut-sangkut atau yang boleh dipertikaikan ketaksaan konotatifnya.

TETENUNAN LEKSICAL

Tetenunan leksikal dapat sahaja dianggap sebagai satu bentuk pengulangan. Ada lima jenis tetenunan leksikal; reiterasi, sinonim, superordinat, ulangan langsung, dan kolokasi. Tetenunan leksikal biasanya menggantikan sesuatu kata nama dengan ganti nama diri sebagai alat perujukan. Kosakata yang

bermakna seperti sinonim dan hiponim (untuk kata nama, kata kerja, dan kosa kata lain) pun digunakan untuk mewujudkan tetenunan teks (Wong, 1993: 311). Dalam puisi, penggunaan sinonim tidak begitu relevan. Hal ini demikian kerana setiap kata daripada sekelompok sinonim tidak dapat membawakan makna yang sama atas sifatnya yang dicirikan oleh konotasi pada aras interpretasi. Kata-kata yang sama pun, kadang-kadang, mungkin membawa makna yang berlainan sama sekali apabila situasi dan konteksnya tidak sama.

REITERASI LEKSIKAL

Dalam puisi, pengulangan mungkin berlaku bagi lexis yang sama; biasanya kata nama, kata kerja dan sebagainya dikekalkan dan diulang pada ayat-ayat atau bahagian ungkapan selanjutnya. Fungsi pengulangan ialah untuk merujuk objek yang sama (perujukan) atau objek lain yang sejenis (penggantian) yang diberi penekanan, supaya kata yang diulang itu memberitahu pembaca bahawa betapa pentingnya konsep yang diulang itu dalam topik atau perkara yang dimajukan oleh penyair dalam puisinya. Dalam antologi *Kau dan Aku*, AAD kurang menggunakan reiterasi leksikal. Akan tetapi apabila penekanan itu terlalu bermakna, khususnya apabila hubungannya itu terlalu memberi sifat pada konsep yang dibangunkan, maka reiterasi leksikal paling kerap digunakan dalam sesebuah puisi tertentu sahaja, umpamanya *Kiranya Aku Pelukis* (hlm. 28). Cuba lihat bagaimana AAD menganggap konotasi [bulat] sangat bermakna dalam lukisan rasa tentang kebesaran Allah (Zat Allah) yang dapat dikonsepsikan dalam empat pegangan: [syariat, tarikat, hakikat, makrifat]. Konsep [bulat] diperkenalkan tetapi tidak diberikan jawapannya dalam stanza 1 yang berikut, tetapi penekanan tentang konotasi [bulat] sudah mula didirikan dalam kedua-dua stanza tersebut melalui pengulangan tanda [bulat] itu beberapa kali:

Kiranya aku pelukis
akan kulukiskan bulat bulat bulat
hingga ia dapat kukumpulkan
menjadi lilitan qalbu
menjadi lambang perasaanku
seperti kosong bulat: Zat Allah
seperti titik dalam bulat: Hakikat Muhammadiyah
seperti alif dalam bulat: Hakikat-hakikat segala sesuatu
wujud dalam ilmu-Mu.

Dari segi semantik, tanda [bulat] yang digunakan dalam puisi di atas

sememangnya sudah menyediakan sejenis konsepsi bahawa tidak ada lagi di alam ini makna bulat yang sebenarnya, kecuali yang dibangunkan oleh pengertian “Zat” bagi Allah. Ini sahaja yang bulat. Yang lain-lain tidak bulat. Dalam stanza II pun pengertian [bulat] belum cukup disediakan, malahan, dari segi kebahasaan, barangkali dianggap belum bermakna pun. Tetapi itu tidak benar kerana, walaupun dianggap tidak bermakna pada aras permukaan yang bersifat kebahasaan, namun lakaran tentang konsep [bulat] itu sudah dapat dilihat dalam bentuk “abstraksi” yang masih abstrak sifatnya, oleh sebab maknanya, dari segi semantik, tidak dapat lagi dihuraikan oleh fitur-fitur leksikal pada bahasa permukaannya. Puisi yang bersifat linguistik di aras permukaannya sebenarnya sudah pun menyediakan kefahaman pada aras pragmatik, walaupun masih belum lagi pada aras semantik. Kefahaman ini perlu diperbulat lagi melalui beberapa kali tafsiran tentang kata-kata yang digunakan, tidak lagi sebagai unsur linguistik di permukaan tetapi sebagai tanda-tanda yang mempunyai makna tertentu pada wacana puisi sebagai wacana interpretatif yang dalam semiotik dinamai *mimesis*. Stanza II daripada *mimesis* inilah yang dikatakan telah menyediakan konsepsi lakaran yang berupa ‘abstraksi’ yang dihidupkan oleh konotasi sembilan U pada baris akhir stanza. Dalam stanza yang dimaksudkan itu:

Kiranya aku pelukis
akan kulukiskan bulat bulat bulat
Satu bulat
Dua bulat
Tiga bulat
bulat bulat bulat
bulat bulat bulat
B U U U U U U U U L A T.

Hanya dalam stanza IV dan V barulah AAD mendefinisikan konotasi [bulat] yang ditekankan melalui kepentingan pengulangan dalam teks puisinya itu:

Aku pun melambangkan
Empat bulat empat bertingkat:
Syariat tarikat hakikat makrifat
Empat bulat empat penjuru
utara selatan timur barat
Empat bulat empat unsur
tanah air api angin.

Akupun melambangkan
Lima bulat: rukun Islam
Enam bulat: rukun Iman
Tujuh bulat: tujuh martabat
Lapan bulat sembilan pun bulat
begitu wajah-wajah cakerawala hebat.

Demikian hebatnya penggunaan reiterasi leksikal dalam puisi AAD *Kiranya Aku Pelukis*. Hal ini demikian kerana pengulangan tanda-tanda itu tuntas dari segi kepentingan semantik dan pragmatik pada aras dalaman puisi. Penggunaan reiterasi itu hebat kerana pengulangan yang diwujudkan bukan bersifat buat-buatan demi menjaga dan mengekalkan irama semantik, tetapi sebaliknya mewujudkan tetenunan yang tercantum dalam satu keteraturan fikiran yang bermakna dan berkesan dari segi perasaan, minda dan kejiwaan. Kesemuanya mampu tercapai dengan bernas dalam suatu linguistik teks yang sifatnya puitik.

KOLOKASI

Kolokasi ialah kehadiran sekumpulan kata atau tanda yang saling berkait dengan sesuatu idea atau fikiran, topik perbincangan, situasi atau konteks dunia dalam sesuatu teks puitik. Dalam suasana memandu kereta, kumpulan kata seperti *lampu isyarat, brek, jalan raya, membelok, laju, terbabas*, dan sebagainya dapat hadir bersama-sama untuk menunjukkan kolokasi yang logik, masing-masing mempunyai hubungan leksikal selingkungan dalam situasi memandu kereta. Walaupun kolokasi mempengaruhi pemilihan kata, atau diksi namun kolokasi tidak dipengaruhi oleh irama, tetapi sebaliknya mendapat kesan pengaruh semantik dalam usaha penyair membentuk serantaian konotasi yang membangunkan mesej puisi yang dicipta dengan memelihara tetenunan dan keteraturan fikiran teks puitik itu sendiri. Oleh sebab itu, kolokasi merupakan cara yang alamiah dan aspek yang dikancah secara tidak sedar mewujudkan keteraturan fikiran sesebuah teks puisi.

AAD merupakan penyair yang sangat peka terhadap penggunaan kata yang menunjukkan kolokasi yang berimbangan secara menarik. Dengan cara ini, AAD berjaya membawa pembaca ke arah suasana yang sentiasa tidak terkeluar daripada topik perbincangan yang dianjurkannya dalam puisi-
puisi ciptaannya. Sebagai contoh, dalam puisi *Cerita Kahwin* (hlm. 31), kolokasi dipelihara tidak sahaja antara bait dengan bait tetapi juga antara stanza dengan stanza. Dengan penggunaan kata-kata yang sengaja dipilih

dapatlah AAD dengan jayanya mempertalikan fikiran daripada stanza pertama dengan fikiran dalam lingkungan yang sama dalam stanza-stanza lain yang berikutnya, sehingga pokok pembicaraannya terjalin dalam kesatuan yang tidak berleraian yang, kalau ini terjadi, boleh menjejaskan mutu seni puisi yang bermakna dan berkesan itu. Misalnya dalam stanza (i) daripada *Cerita Kahwinnya* itu:

(i)

Dulunya, suatu senja sedekad lalu, kau *menziarahiku*
di teratak desa bapaku, *menanyakan* ujianmu, langsung
pandang pertamamu itu, *melekat padaku*, lalu
menjalin cinta dan *cita-cita*, *memaku kasih* dan *setia*

Waktunya masih baru, terasa, betapa sukarnya
menemukan cinta dan *menjanjikan pertemuan*
atas liku jarak berbeza atau benteng orang tua
begitupun, izin Allah *memautkan kita*, *berkahwin*
dan hijrah ke kota

waktunya masih baru, terasa, sejarah kita
bertemu dan *berkasih*
sampai *berumah tangga*.

Kata-kata dan frasa nama seperti [pandang pertama], [kasih], [pertemuan] dan adjektif [setia] memang berada dalam kumpulan yang berkolokasi dengan kata-kata kerja [menziarahi], [menanyakan], [melekat], [memaku], [menjanjikan], [memautkan], [berkahwin], [bertemu], [berkasih] dan [berumah tangga] dalam konteks pernyataan situasi orang Melayu memulakan sejarah titik-titik pertemuan seorang jejaka dengan seorang perawan sebelum dan sehingga kedua-duanya mendirikan rumah tangga atas konsep saling cinta-menyintai antara satu sama lain. Setelah kejayaan mendirikan rumah tangga seperti yang terungkap dalam stanza (i), fikiran yang sama dipertalikan dengan fikiran yang terungkap dalam stanza (ii) yang menganjurkan suatu tanggungjawab yang menyusul setelah berlakunya peristiwa perkahwinan itu. Pertalian peristiwa perkahwinan dengan sikap dan tanggungjawab suami isteri dimajukan dalam lingkungan yang sama melalui penggunaan kata-kata yang saling berkolokasi, sehingga kolokasi antara kata-kata dalam stanza (i) diperlihatkan pula perkaitannya dengan kolokasi antara kata-kata dalam stanza (ii), supaya kedua-dua stanza itu terbina dalam ikatan fikiran yang saling berkolokasi secara semantik.

Sebahagian daripada ungkapan yang dipetik daripada stanza (ii) yang dimaksudkan itu, dan betapa menariknya keindahan kolokasi semantik itu dicapai dalam teks puisi yang berkenaan dilihat di bawah ini:

(ii)

Kini, di depan kita amat riang, putera puteri
bertemasya, *mahu diusap manja ayah bonda*
sungguhlah, *di bahuku amanah Ilahi*
sentiasa, *di bahumu tugas suci*
mewarna sinar hidup mereka
membina istana bahagia

Frasa-frasa yang bercetak condong itu merupakan fikiran-fikiran bantu dalam usaha suami dan isteri sama-sama bertanggungjawab menyediakan kehidupan yang baik, harmonis, mesra, dan bahagia.

Sesungguhnya, kolokasi merupakan aspek yang sangat penting dalam puisi yang tinggi mutu seni kreatifnya. Hal ini demikian kerana nilai kreativiti tidak sahaja bergantung pada irama fonologinya semata-mata, atau maksud yang dapat dicapai oleh pembaca, tetapi maksud atau mesej yang difahami itu hendaklah bermakna sebagai suatu entiti semantik dan pragmatik yang 'bulat' sebagaimana yang terbekal dari mula kata digunakan hingga kata terakhir yang menutup puisi yang dicipta itu. Mutu kreativiti yang demikian itu hanya tercapai dalam situasi tekstual, bahawa setiap makna dalam binaan mesej itu haruslah terbangun daripada fikiran yang teratur dan penerapan kata dan ungkapan yang tertentu secara semantik dalam suatu wacana puitik yang sifatnya tidak lain adalah suatu teks linguistik di permukaan. Teks linguistik atau wacana yang bermakna hanya terbukti apabila kata-kata (atau, tanda-tanda dalam puisi) yang digunakan menunjukkan tetenunan yang menjalin fikiran yang terpelihara keteraturannya. Walau bagaimana indah pun sesebuah puisi itu dari segi irama fonologinya, irama semantiknya tetap terjejas, lantas maksud atau mesejnya demikian buruk jadinya, apabila puisi yang dicipta itu tidak dapat melahirkan tetenunan fikiran yang jelas menurut situasi dan konteksnya dalam suatu wacana kreatif yang bermakna. Yang lebih buruk lagi apabila puisi yang dicipta itu mengandungi lingkungan semantiknya yang tidak menunjukkan kolokasi pragmatik dalam lingkungannya secara indah. Puisi-puisi A. Aziz Deraman bukan daripada jenis ini; sebaliknya daripada jenis yang berjaya mengawal dan mengekalkan aspek tetenunan dan keteraturannya sebagai wacana kreatif yang baik dan bermutu, baik dari segi persembahannya, kandungan semantiknya, mahupun interpretasi pragmatiknya.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis di atas, jelaslah bahawa kerangka teori tentang ciri-ciri tetenunan yang diketengahkan oleh Halliday dan Hassan (1976) telah memperlihatkan fungsi penting dalam usaha mewujudkan kesatuan puisi-puisi A. Aziz Deraman sebagai teks wacana puitik yang menarik. Ciri-ciri tetenunan ini dapat dikesan melalui hubungan nahuan pada aras permukaan dan hubungan semantik pada aras mimesis. Semua kerangka ciri tetenunan seperti perujukan, penggantian, penghilangan, penghubungan ayat (ungkapan) dan leksikal ditemui dalam puisi-puisi yang terkumpul dalam antologi *Kau dan Aku*. Walaupun beberapa buah puisi sahaja daripada antologi itu yang dijadikan bahan kajian, namun puisi-puisi yang dipilih itu sebenarnya dapat mewakili bentuk-bentuk puisinya yang lain dalam antologi tersebut. Judul-judul puisi yang dijadikan bahan contoh itu telah disaring dan seterusnya dipilih atas sebab-sebab kekuatan mesej, serta persoalan-persoalan yang dijadikan pokok pembicaraan di dalamnya. Yang pasti, ciri-ciri tetenunan yang dibincangkan dalam kajian ini membuktikan betapa penting dan perlunya ciri-ciri tetenunan itu menjadi pengukur kekuatan fikiran yang ditubuh secara sengaja oleh penyairnya, lalu akhirnya puisi-puisi A. Aziz Deraman berjaya membentuk kehendak dan niatnya dalam suatu keteraturan fikiran yang mantap pada pembaca mahupun penafsir.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman, 1994. *Kau dan Aku*, antologi puisi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1980. "Analisis Wacana" (bahagian Pertama) dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 24(4): 11–25. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1980. "Analisis Wacana" (bahagian Kedua) dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 24(4): 9–25. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar M. Simin, 1993. *Sintaksis - Wacana "Yang" Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beaugrande, R. de, dan Dressler, 1981. *Introduction To Text Linguistics*, London: Longman.
- Blonsky, Marshall, 1979. "The Text Drive" dlm. *Semiotics Unfolding*, Vol. II. Amsterdam: Mouton.

- Gutwinski, Waideman, 1972. *Cohesion in Literary Text: A Study of Some Grammatical and Lexical Features of English Discourse*. The Hague: Mouton.
- Halliday, M.A.K. dan Hassan, R., 1976. *Cohesion in English*. London: Longman.
- Harimurti Kridalaksana, 1978. "Keutuhan Wacana" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harris, Zellig, 1952, "Discourse Analysis" dlm. *Language*, 28-1-30.
- Lutfi Abas, 1979, "Analisis Wacana Sebuah Cerpen" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 23(12): 63-73. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lutfi Abas, 1982, "Keindahan Sastera Melalui Analisis Wacana" dlm. Farid M. Onn (ed), *Stilistik: Simposium Keindahan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah, 1997. *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stubbs, M. 1983. *Discourse Analysis: The Sociolinguistic Analysis of Natural Language*. Oxford: Basil Blackwell.
- Tarigan Henry Guntur, 1995. *Pengajaran Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wong Khok Seng, 1993. "Pautan dan Pembinaan Teks dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37(4): 306-314. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Werth, P. 1984. *Coherence and Emphasis*. London: Croom Helm.